

16 SEP 1999

Samy-Urusetia

URUSETIA TETAP UNTUK PERTANDINGAN KEMAHIRAN

KUALA LUMPUR, 16 Sept (Bernama) -- Satu lagi projek yang diilhamkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berjaya dalam misinya untuk mengeluarkan pekerja mahir di kalangan orang tempatan sehingga satu cadangan telah dibuat supaya sebuah jawatankuasa tetap ditubuhkan bagi mengendalikannya.

Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu hari ini berkata projek itu, Pertandingan Johan Kemahiran Malaysia (PJKM), dicetuskan oleh Perdana Menteri hampir 10 tahun lalu, bagi menggalak minat di kalangan para belia menceburi bidang kemahiran. Ia kini berjaya melahirkan ramai pekerja mahir.

Katanya, Malaysia kini sedang menyediakan satu pasukan dari kalangan peserta PJKM bagi menyertai Pertandingan Kemahiran Dunia ke-35 di Montreal, Kanada 4 hingga 17 Nov ini, katanya.

Beliau memberitahu pemberita selepas merasmikan PJKM ke-10 di Kem Tentera Sungai Buloh, dekat sini, bahawa urusetia tetap itu penting bagi membentuk halacara baru PJKM untuk membolehkannya menghadapi cabaran dan saingan global.

Katanya, PJKM kini dikendalikan oleh sebuah jawatankuasa pemandu yang dipengerusikan oleh timbalan beliau, Datuk Railey Haji Jeffrey dengan kerjasama beberapa kementerian, agensi kerajaan dan sektor swasta.

Samy Vellu berkata urusetia itu bukan sahaja dapat mengendalikan PJKM, tetapi juga Pertandingan Kemahiran Asean dan Pertandingan Kemahiran Sedunia.

Kata beliau, urusetia itu perlu dikendalikan secara profesional dengan melantik pegawai-pegawai sepenuh masa.

"Saya berharap cadangan ini akan dipertimbangkan oleh kerajaan supaya objektif pertandingan mencapai matlamat dan sasaran yang dikehendaki," kata beliau.

Menteri itu juga berkata beliau telah mengarahkan Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya Datuk Dr Hadenan Jalil menyiapkan kertas kerja penubuhan urusetia itu untuk dikemukakan kepada Kementerian Kewangan.

Katanya, kementeriannya akan meminta peruntukan kewangan daripada Kementerian Kewangan bagi memastikan urusetia itu dapat berfungsi dengan lancar.

--BERNAMA

ES zb